





mungkin berjaya kerana Nabi-nabi yang di utuskan oleh Allah juga mendakwah agama Islam ini secara berjemaah.

2. Guru-guru Agama perlu memainkan peran yang penting terhadap pendekatan pendidikan Islam yang lebih efektif agar umat Melanau Islam dapat memahami dan menghayati ajaran Islam yang sebenar yang bersumberkan al-Quran dan juga Hadith. Sekiranya umat Melanau Islam tidak memahami atau menghayati ajaran Islam yang sebenar, maka amat mudahlah untuk mereka terpengaruh dengan gejala-gejala atau aktivitas yang tidak baik atau lebih jelek lagi terjerumus dalam perkara yang di haramkan didalam Islam sehingga bisa meruntuhkan peradaban umat Islam itu sendiri. Bagi mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam mereka perlulah kembali kepada kepada cara hidup yang berlandaskan Aqidah, Ibadah dan Muamalah. Ini kerana ketiga-tiga faktor ini menjadi kekuatan dalam tamadun peradaban umat Islam.
3. Mukah memerlukan ramai anak tempatan untuk menjadi da'i. Seharusnya pihak yang bertanggungjawab mesti menyediakan anak-anak muda yang berbakat dan yang mempunyai minat besar dalam mendalami Ilmu agama dengan pendidikan yang terancang akan Mukah tidak kepupusan Da'i muda yang berkebolehan memberi kefahaman Islam kepada masyarakat.